

# MAJLIS PEMBUKAAN KURSUS ASAS PENERBANGAN (BFC) SIRI 81/18, KURSUS ASAS PENERBANGAN HELIKOPTER (BHFC) SIRI 60/18 DAN KURSUS ASAS ILMU PENERBANGAN AQM (BAKC) SIRI 49/18

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4183-majlis-pembukaan-kursus-asas-penerbangan-bfc-siri-81-18-kursus-asas-penerbangan-helikopter-bhfc-siri-60-18-dan-kursus-asas-ilmu-penerbangan-aqm-bakc-siri-49-18](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4183-majlis-pembukaan-kursus-asas-penerbangan-bfc-siri-81-18-kursus-asas-penerbangan-helikopter-bhfc-siri-60-18-dan-kursus-asas-ilmu-penerbangan-aqm-bakc-siri-49-18)

ALOR SETAR, 27 Nov 18 - Majlis Pembukaan Kursus Asas Penerbangan (BFC) siri 81/18, Kursus Asas Penerbangan Helikopter (BHFC) siri 60/18 dan Kursus Asas Ilmu Penerbangan AQM (BAKC) siri 49/18 telah diadakan bertempat di Dewan Taming Sari, Kolej Tentera Udara.



Kursus Asas Penerbangan (BFC) terdiri daripada 28 orang calon iaitu 27 orang calon daripada TUDM dan seorang calon daripada TNI-AU (Indonesia). Peserta Kursus Asas Penerbangan Helikopter (BHFC) pula terdiri daripada 18 orang calon iaitu 12 orang calon daripada TUDM, 3 orang calon daripada TLDM dan 3 orang calon daripada TDM. Manakala Kursus Asas Ilmu Penerbangan AQM (BAKC) terdiri daripada 27 orang calon iaitu 16 orang calon daripada TUDM, 6 orang calon daripada TLDM dan 5 orang calon daripada TDM.



Calon-calon Kursus Asas Penerbangan (BFC) dan Kursus Asas Penerbangan Helikopter (BHFC) masing-masing akan menjalani kursus dan latihan selama 20 bulan dan calon-calon dari Kursus Asas Ilmu Penerbangan AQM (BAKC) akan menjalani kursus dan latihan selama 16 minggu.

Majlis pembukaan kursus ini telah dirasmikan oleh Pemangku Komandan, Kol Omar bin Hj Dawami TUDM dan turut disertai oleh Pegawai Memerintah ITAS, Kol Hishammuddin bin Abdul Rahman TUDM serta diiringi oleh Pegawai Memerintah INSPEN 2, Lt Kol Koo Heng Giap TUDM dan pemangku Peg Memerintah INSPEN 1, Mej Farah Dibah binti Rustham TUDM.

